



HMT211/4 FONETIK BAHASA MELAYU
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
SIDANG AKADEMIK 2020/2021
SEMESTER 1

TUGASAN INDIVIDU (30%)

DISEDIAKAN OLEH:



NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID

141084

anissyahirah0620@gmail.com

DISEDIAKAN UNTUK:

PUAN NORHANIZA BINTI ABDUL KHAIRI

1. Membunyikan, melakar rajah sagital cara penghasilan bunyi, mentranskripsi teks.

Arahan

Setiap pelajar memilih satu teks (artikel/ cerpen/ novel/ bahan bercetak) 500 patah perkataan. Teks ini mestilah menggunakan bahan dalam talian dan dicatatkan sumbernya.

Guru tiada masa untuk keluarga

Abdul Razak Idris

(Harian Metro, 21 Jun 2010 (Isnin))

GOLONGAN guru ibarat dian yang membakar diri. Tanpa guru sudah pasti surat atau e-mel ini pun tidak dapat ditulis oleh saya. Ada pandangan sinis mengatakan guru sudah ada cuti sekolah yang panjang sebagaimana murid mereka setiap tahun sedangkan guru perlu bertugas sepanjang tahun bagi meningkatkan pencapaian sekolah dari semasa ke semasa menurut arahan pengetua atau guru besar.

Peranan guru bukan setakat memikirkan masalah murid yang puluhan orang di sekolah, malah ada yang termimpi-mimpi akan prestasi keputusan peperiksaan utama yang bakal keluar kelak.

Jika prestasi merudum, alamat kelas tambahan akan bertambah-tambah **dan** masa guru terutama guru wanita dengan anak-anak **dan** suami akan semakin berkurang pada tahun depan. Pengetua juga perlu memikirkan bagaimana mahu meningkatkan prestasi pelajar pada waktu belajar dari jam 7.40 pagi hingga 2 petang.

Pada ketika penjawat awam lain sedang kelam-kabut menuju ke tempat mesin perakam waktu, guru-guru kita sudah sampai ke sekolah seawal jam 7 pagi lagi. Jika lewat, alamat sesi pembelajaran turut bermula lewat. Apabila setiap Sabtu pun perlu bekerja, apa pula nasib anak-anak **dan** suami atau isteri yang tidak sempat bersama untuk menghabiskan masa senggang.

Perlu diingat, guru juga seorang ibu **dan** bapa, juga anak kepada ibu bapanya yang sudah tentu mempunyai tanggungjawab moral **dan** agama untuk dipenuhi. Namun, jika masa mereka habis di sekolah kelak akan jadi seperti pepatah, 'yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran.'

Maka perlu ada ruang untuk semua guru mendapat cuti setiap Sabtu dua kali sebulan **dan** setiap pengetua perlu memperkasakan pengajaran di waktu pejabat supaya kelas tambahan **dan** aktiviti kokurikulum tidak selalu diadakan setiap Sabtu.

Sewajarnya gelaran sekolah berprestasi tinggi (SBT) tidak menjadi faktor pendesak kepada

pengetua dan guru besar untuk memperhebatkan usaha mencapai tahap itu. Ini akan menjadikan guru subjek teras untuk peperiksaan akan lebih tertekan untuk memperbanyakkan kelas dan latih tubi yang akhirnya menjadikan mereka sibuk 24 jam membuat kertas soalan dan modul lebih mesra pelajar. Jika sekolah mencapai tahap terbaik, apa faedahnya kepada guru yang hilang banyak masa dengan keluarga mereka.

Guru juga adalah manusia yang mempunyai had kesihatan tertentu. Jika keringat mereka diperah, takut mereka hilang minat untuk mengajar akibat keletihan fizikal dan minda. Kita sedia maklum ada sekolah aliran lain menetapkan masa bekerja guru mereka dari jam 7 pagi hingga 4 petang.

Jika Sabtu pun mereka terpaksa bekerja, bayangkan bila mereka dapat mendidik anak sendiri dengan lebih berkesan. Takut nanti kera di hutan kenyang disusukan, anak di rumah merintih merayu untuk mendapatkan perhatian.

Justeru, masanya sudah tiba untuk kita lebih empati dengan masalah guru yang bekerja demi kecemerlangan anak-anak murid mereka. Cabaran SBT perlu disahut oleh pengetua dan guru besar dengan lebih rasional. Memang wujud sekolah yang lemah dalam pencapaian, maka perlu sekolah itu dibantu secara menyeluruh oleh setiap Jabatan Pelajaran daerah dan jangan membiarkan rencana setiap pengetua dan guru besar memberi kesan domino negatif kepada guru-guru yang mempunyai keterbatasan minda dan fizikal.

Cuti memang penting sebagai masa guru melapangkan dada dan fikiran daripada memikirkan masalah di sekolah.

Inilah masa ibu bapa mengambil alih sekejap tugas seorang guru dengan mengajar anak-anak mana yang perlu. Jangan jadikan guru sebagai pengajar sepenuh masa hingga masa rehat mereka turut menjadi mangsa kita.

ABDUL RAZAK IDRIS


Banting

a) Pilih SATU perkataan (perkataan yang mempunyai tidak lebih daripada LIMA (5) fonem yang berbeza) yang mempunyai kekerapan paling tinggi digunakan dalam teks tersebut. Untuk mencari kekerapan perkataan dalam teks anda, gunakan perisian yang sesuai. Tunjukkan cara anda mencari kekerapan perkataan dengan memasukkan lampiran yang sesuai.


- Perkataan yang mempunyai kekerapan paling tinggi yang digunakan dalam teks di atas ialah perkataan [dan]. Perkataan dan mempunyai tiga fonem yang berbeza iaitu \d\, \a\, \n\.

Ini adalah cara saya mencari kekerapan perkataan.


1. Mencari teks untuk di transkripsi




2. Salin teks dan tampal teks di Microsoft Word untuk mengira jumlah perkataan yang ada. (515 patah perkataan)




3. Seterusnya, teks tersebut ditampal di Notepad dan disimpan di desktop




4. Buka aplikasi AntCont > Files > Open Files > masukkan file notepad



5. Tekan Word List dan seterusnya tekan Start.



6. Kekerapan perkataan yang paling telah dianalisis. Perkataan 'dan' pilih untuk soalan (a).



AntConc 3.5.9 (Windows) 2020

File Global Settings Tool Preferences Help

Concordance Concordance Plot File View Clusters/N-Grams Collocates Word List Keyword List

Corpus Files

Word Types: 272 Word Tokens: 518 Search Hits: 0

Rank	Freq	Word
1	25	guru
2	16	dan
3	16	yang
4	11	anak
5	11	mereka
6	11	sekolah
7	9	masa
8	9	perlu
9	9	untuk
10	7	setiap
11	6	akan
12	6	dengan
13	6	di
14	6	jika
15	6	pergetua
16	5	ada
17	5	lebih
18	5	sudah
19	5	tidak

Search Term Words Case Regex Hit Location

Sort by Invert Order

Total No. 1
Files Processed

[10 markah]

b) Bunyikan perkataan dalam (a) sebanyak lima kali dan rakam bunyi pertuturan anda
- kompilasikan bunyi pertuturan dalam satu fail.

- [[dan](#)]


[10 markah]

c) Lakarkan rajah sagital penghasilan setiap bunyi yang ada dalam perkataan yang dikenalpasti dalam (b). Bunyi yang sama hanya lakarkan sekali sahaja. [20 markah]

d) Berikan huraian cara penghasilan setiap bunyi dalam (b). [25 markah]


- Contoh perkataan: /dan/ [dan]. Lakarkan rajah sagital untuk setiap penghasilan bunyi [d], [a], [n].

[d] - Konsonan plosif alveolar bersuara




[d] merupakan konsonan plosif alveolar bersuara. Cara penghasilan bunyi [d] ialah hujung lidah dinaikkan rapat ke gusi untuk membuat sekatan penuh pada arus udara. Seterusnya, langit lembut dan anak tekak dinaikkan ke belakang atau ke dinding rongga tekak untuk menutup arus udara ke rongga hidung supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung. Pita suara dirapatkan. Arus udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dengan menggetarkan pita suara dan seterusnya udara tersebut dilepaskan. Penghasilan ini menghasilkan bunyi konsonan plosif alveolar bersuara [d]. Terdapat beberapa contoh perkataan yang mempunyai konsonan [d] antaranya ialah pada awal perkataan seperti [dalam], [dapur], [dulang] dan [dusta], bagi contoh perkataan di tengah perkataan ialah [tanduk], [tadi], dan [badan] manakala perkataan di akhir pula ialah [tekad], [abad] dan [hasad].

[a] – Vokal depan luas bersuara



[a] merupakan vokal depan luas bersuara. Cara penghasilan bunyi [a] ialah keadaan bibir dihamparkan. Bahagian lidah dihadapan diturunkan serendah mungkin untuk membenarkan aliran udara melaluinya. Seterusnya, nak tekak dan langit lembut dinaikkan bagi menutup rongga hidung supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung. Udara dari paru-paru yang keluar ke rongga mulut akan menggetarkan pita suara. Oleh itu, bunyi [a] dapat dihasilkan dengan betul. Terdapat beberapa contoh perkataan yang mempunyai vokal [a] antaranya pada awal perkataan seperti [anak], [ayam], dan [alir] pada di tengah perkataan pula seperti [beras], [barang] dan [depan] manakala pada di akhir perkataan pula ialah [bara], [nama] dan [kuda]

[n] – Konsonan nasal alveolar bersuara



[n] merupakan konsonan nasal alveolar bersuara. Cara penghasilan bunyi [n] ialah apabila hujung lidah dirapatkan ke gusi atas untuk menyekat arus udara. Lelangit lembut diturunkan untuk memberikan laluan arus udara yang keluar dari paru-paru. Seterusnya, pita suara dirapatkan dan arus udara dilepaskan secara perlahan-lahan. Oleh itu, maka terhasil bunyi [n] iaitu konsonan nasal alveolar bersuara. Terdapat beberapa contoh perkataan yang mempunyai konsonan [n] seperti pada awal perkataan contohnya [nasi], [nampak] dan [nota] manakala bagi di tengah perkataan pula seperti [kenal], [untuk] dan [panas] seterusnya pada di akhir perkataan pula seperti [papan], [lapan] dan [makan].

e) Transkripsikan keseluruhan teks (a) menggunakan transkripsi sempit.

[goloŋān guru ibarat diyan jaŋ mōmbaka diri. tan?pa guru sudah pasti surat atau ə?māl ini pon tida? dapat di?tulis oleh saǰə. adə pandaŋān sinīs meŋatakan guru sudah adə tʃuti se?olah jaŋ pandʒaŋ səbagaymānā mūrīd mōrekə sətiyap tahun sədaŋkan guru pərlu bərtugas səpandʒaŋ tahun bagi mōniŋ?atkan pəncapayan səkolah dari səmāsə kə səmāsə mōnūrut arahan pəŋtūə atau guru bəsa.

pəranān guru bu?an sətakat mōmī?irkan masalah mūrīd jaŋ pulohan oraŋ di səkolah. malah adə jaŋ tərmiŋpi?miŋpi a?an prəstasi kəputusan pəpəri?saan utamə jaŋ ba?al kəluar kəla?.

ji?a prəstasi mōrudum, alamāt kəlas tambahan a?an bərtambah?tambah dan māsə guru tərutamə guru wanīta dəŋān anāk?anāk dan suamī a?an səmākin bərkuraŋ padə tahun dəpan. pəŋtūə jugə pərlu mōmī?irkan bagaimānə māhu mōniŋ?atkan prəstasi pəladʒa padə wa?tu bəladʒa dari dʒam tudʒoh empat puloh pagi hinga duwe pətaŋ.

pade ?əti?a pəndʒawat awam lain sədaŋ kəlam?kabut mōnūdʒu kə təmpat mōsin pəra?am wa?tu guru?guru kita sudah sampay kə səkolah dʒam tudʒoh pagi lagi. dʒi?a lewat, alamāt sesi pəmbəladʒaran turut bərmūla lewat. apabila sətiap sabtu pon pərlu bə?ərdʒa apə pulə nāsib anāk?anāk dan suamī atau isteri jaŋ tida? səmpat bərsamə unto? mōŋhabiskan māsə səŋgaŋ.

pərlu di?ingat guru dʒuga səoraŋ ibu dan bapə dʒuga ana? kəpadə ibu bapəja jaŋ sudah təntu mōmpuŋāi taŋgunjawab moral dan agamā unto? di?pənuhi. nāmūn dʒi?a māsə mōrekə habis di səkolah kəla? a?an dʒadi səpərti pəptah, 'jaŋ di?kədʒar tida? dapat jaŋ di?kəndəŋ bərtʃitʃiran'.

ma?a perlu ad? ruaj s?m?e guru m?ndapat t?futi s?tiap duwe ?ali s?bulan dan s?tiap p?n?tua perlu m?mp?r?asakan p?nad?aran di wa?tu p?d?abat supay? k?las tambahan dan a?tiviti kokurikul?m tida? s?lalu di?adakan s?tiap sabtu.

sewajar?n? g?laran s?kolah b?rprestasi tingi (es.bi.ti) tida? m?nd?adi fa?tor p?ndesa? k?pad? p?n?tua dan guru b?sa unto? m?mp?rhebatkan usaha m?nt?apai tahap itu. ini a?an m?nd?adikan guru sabje? t?ras unto? p?p?ri?saan a?an lebih t?rt?kan unto? m?mp?rbar?n?kan k?las dan latih tubi ja? axir?n? m?nd?adikan m?rek? sibu? duwe puloh ?mpat d?zam m?mbuat k?rtas soa?lan dan modul lebih m?sr? p?lad?a. d?jika s?kolah m?nt?apai tahap t?rbai?, ap? faedah?na k?pade guru ja? hila? b?n? m?se d?n?an k?luarg m?rek?.

guru juge manusi?e ja? m?mpun?i had k?sihatan t?rt?ntu. d?jika k?ri?at m?rek? di?p?rah, takot m?rek? hila? min?at unto? m?nad?a a?ibat k?l?tihan fizi?el dan minda. kite sedie m??lum ad? s?olah aliran laen m?n?apkan m?se b?k?rd?a guru m?r?k? dari jam tujuh pagi hing? empat peta?.

d?jika sabtu pon m?rek? t?rpa?sa b?k?rja, baya?kan bil? m?rek? dapat m?ndidi? an? s?ndiri d?n?an l?bih b?rk?san. ta?ut n?nti k?r? di hutan k?n?n di?susukan, an? di rum?h m?rintih m?rayu unto? m?ndapatkan p?rhatian.

d?justeru, m?sa?n? sudah tiba unto? kita l?bih empati d?n?an m?salah guru ja? b?k?rje d?mi k?c?m?rla?n? an?k?an?k m?rid m?rek?. t?baran es.bi.ti perlu di?sahut oleh p?n?tua dan guru b?sa d?n?an l?bih rasion?l. mem?n? wud?ud s?kolah ja? l?m?h dalam p?nt?apaian, ma?a perlu s?kolah itu di?bantu s?tfare m?jeluruh oleh s?tiap d?abatan pelad?aran daerah dan d?n?an m?mbiarkan r?nt?an? s?tiap p?n?tua dan guru b?sa m?mb?ri k?san domino negetif k?pad? guru?guru ja? m?mpun?i k?t?rbatasan m?nda dan fizi?el.

tfuti memañ pəntiñ səbagai masə guru məlapanğan dadə dan fiʔiran daripadə məmīʔirkan masalah di səkolah.

inīlah masə ibu bapə mənāmbil alih səkədʒap tugas səorañ guru dənān mənāʒadʒa anākʔanāk manə jañ pərļu. dʒaŋān dʒadikan guru səbagai pənāʒadʒa səpenūh masə hiŋga masə rehat mənrekə turut mənʒadi maŋsa kitə.]

(35 markah)

RUJUKAN

- Shahidi, A. H., Hamid, B. A., Mokhtar, S., & Kechot, A. S. (2018). KONTRAS PENYUARAAN BUNYI PLOSIF AWAL KATA OLEH KANAK-KANAK MELAYU: SATU PENELITIAN AWAL (Plosive Voicing Contrast in Initial Word by Malay Children: A Preliminary Research). *e-Bangi*, 13(5).
- Hasan, N. A., & Jaafar, S. R. S. (2017). Struktur Suku Kata Terbitan Dialek Terengganu (The Derivative Syllable Structure of Terengganu Dialect). *Akademika*, 87(1).
- Murni M. (2013). Fonetik dan Fonologi (Vokal & Konsonan). Education
- Abdul Hamid Mahmood & Nurfarah Lo Abdullah. (2007). Linguistik Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu. Kuala Lumpur. Aslita Sdn. Bhd
- Nor Hashimah Jalaludin, 1998. Asas Fonetik. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- <https://www.seeingspeech.ac.uk/ipa-charts/?chart=1&datatype=3&speaker=1>
- https://www.internationalphoneticassociation.org/IPAcharts/inter_chart_2018/IPA_2018.html